

D392

R B384 BAH
INDIA - MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 6 JUN (BERNAMA) -- INDIA MEMUJI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD KERANA WAWASANNYA MENGENAI MASA DEPAN BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI SELATAN.

MENTERI LUAR INDIA, I.K. GUJRAL BERKATA, SELATAN MEMERLUKAN PIMPINAN DATUK DR MAHATHIR BAGI MENCETUSKAN PENYELESAIAN DAN PENDEKATAN BARU BAGI MENGHADAPI CABARAN YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

+CORAK PIMPINAN YANG DITUNJUKKAN OLEH PERDANA MENTERI MALAYSIA TELAH MENARIK PERHATIAN SEMUA. BUKAN SAHAJA BELIAU MEMPUNYAI PERWATAKAN YANG MENARIK TETAPI JUGA MERUPAKAN SEORANG YANG PENUH DENGAN IDEA DAN WAWASAN MENGENAI MASA DEPAN DAN TELAH MEMBERI SUMBANGAN POSITIF DAN MENYELURUH KEPADA PERSIDANGAN KEMUNCAK KUMPULAN PERUNDINGAN DAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN (G-15) DI SINI,+ KATANYA KEPADA BERNAMA DALAM TEMURAMAH DI SINI SEMALAM.

ENCIK GUJRAL, YANG MENGIRINGI PERDANA MENTERI INDIA, ENCIK V.P. SINGH PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU YANG BERAKHIR DI SINI AHAD LEPAS BERKATA, INDIA MERASA +SANGAT SELESA+ BAHAWA SEBUAH NEGARA JIRAN ASIA YANG RAPAT SEPERTI MALAYSIA DIPIMPIN OLEH SEORANG TOKOH SEPERTI DATUK SERI DR MAHATHIR.

KATANYA, LAWATAN ENCIK SINGH KE MALAYSIA MERUPAKAN +PELUANG YANG MENGGEMBIRAKAN+ BAGI PERDANA MENTERI INDIA ITU YANG MERUPAKAN LAWATAN PERTAMA OLEH SEORANG PEMIMPIN INDIA DALAM 22 TAHUN, UNTUK MENEKANKAN TENTANG PERLUNYA KERJASAMA YANG LEBIH RAPAT ANTARA KEDUA-DUA NEGARA YANG BANYAK MEMPUNYAI PERSAMAAN DARIPADA SEGI SEJARAH DAN KEBUDAYAAN. -- LAGI.

1831MST 06 06 90

INDIA - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

I

PERDANA MENTERI INDIA ITU MELAKUKAN LAWATAN NEGARA SELAMA TIGA HARI KE MALAYSIA SELEPAS PERSIDANGAN ITU DAN BELIAU TELAH MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA MENGENAI KERJASAMA PERDAGANGAN, PELABURAN DAN KEBUDAYAAN YANG LEBIH RAPAT.

ENCIK GUJRAL YANG MENYIFATKAN HUBUNGAN INDIA-MALAYSIA SEBAGAI +SANGAT BAIK DAN RAPAT+ BERKATA, RUNDINGAN ITU MEMBANTU MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN DUA HALA DAN Mencari BIDANG BARU UNTUK KERJASAMA TERUTAMA DI BIDANG-BIDANG DI MANA INDIA BOLEH MENGGUNAKAN KELEBIHAN TEKNOLOGINYA UNTUK MEMBANTU PROGRAM PEMBANGUNAN MALAYSIA.

ANTARANYA TERMASUK DALAM SEKTOR TENAGA. USAHASAMA BOLEH DIPERTIMBANGKAN SEPERTI DALAM PROJEK HIDRO-ELEKTRIK, JELAS BELIAU.

BELIAU BERKATA, INDIA SEDIA MEMBEKAL MALAYSIA KEPAKARAN BAGI MENUBUHKAN INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI TERUTAMA KOLEJ PERUBATAN, SEBAGAI PENYELESAIAN JANGKA PANJANG KEPADA KEPERLUAN MENINGKAT BAGI DOKTOR DI MALAYSIA.

GUJRAL MENCADANGKAN KEPADA KERAJAAN MALAYSIA SUPAYA MENGAJAI KEMUNGKINAN MENGIKTIRAF LEBIH BANYAK IJAZAH PERUBATAN DARI KOLEJ-KOLEJ INDIA DAN TIDAK HANYA BEBERAPA BUAH KOLEJ SAHAJA SEPERTI YANG SEKARANG, YANG MENYEBABKAN TEMPAT TERHAD BAGI PELAJAR MALAYSIA DI KOLEJ-KOLEJ BERKENAAN.

-- LAGI.

1848MST 06 06 90

D411

R B391 BAH

INDIA - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

I

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA INDIA TIDAK AKAN MENGURANGKAN BILANGAN PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA YANG MEMASUKI KOLEJ-KOLEJ PERUBATAN DAN MENAMBAH KATA BAHAWA KIRA-KIRA 50 PERATUS DARIPADA PELAJAR ASING DI INDIA ADALAH DARI MALAYSIA.

MENGENAI PERSIDANGAN KEMUNCAK G-15 DI SINI, MENTERI LUAR ITU BERKATA, IA MERUPAKAN PERSIDANGAN YANG BERSEJARAH DALAM KONTEKS SEKARANG DENGAN SEMUA NEGARA MEMBANGUN MENGHADAPI MASALAH YANG MENDATANGKAN KESAN BESAR SAMA ADA DALAM PERDAGANGAN, HUTANG LUAR MAHUPUN ALIRAN SUMBER.

+PERSIDANGAN ITU TELAH MEMBOLEHKAN KITA MENUMPUKAN KEPADA PENDEKATAN BERSAMA BAGI MENGATASI MASALAH YANG KITA HADAPI KERANA TANPANYA TIDAK ADA SESIAPAPUN ANTARA KITA YANG DAPAT MELEPASKAN DIRI DARIPADA KESANNYA YANG TERBENTANG DIHADAPAN KITA,+ KATANYA.

BELIAU MEMBERI CONTOH NEGARA PENGELUAR KOMODITI DAN BARANG MENTAH LAIN YANG HARGANYA DITENTUKAN OLEH NEGARA PENGGUNA YANG PADA MASA YANG SAMA MENAFIKAN MEREKA PASARAN BARU.

BEGITU JUGA, NISBAH TUKARAN WANG ASING DIMANIPULASI BUKAN KERANA LEBIH BANYAK WANG TELAH DIKELUARKAN TETAPI CUMA KERANA PENINGKATAN TINGGI KADAR PERTUKARAN YEN BERBANDING DENGAN DOLAR AMERIKA SYARIKAT.

+BAGI NEGARA SEPERTI MALAYSIA YANG TELAH MENGAMBIL PINJAMAN YEN, BEBAN HUTANG MEREKA SECARA AUTOMATIK MENINGKAT TANPA MENAMBAH PINJAMAN,+ KATANYA.